



## TERMA DAN SYARAT UNTUK PERADUAN FOTO DAN VIDEO PENDEK SEMPENA KEMPEN MEDIA SOSIAL #SAYANGMALAYSIA

### 1. UMUM

- Peraduan Foto dan Video ini dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) beralamat No 2, Menara 1, Jalan P5 / 6 Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia.
- Objektif utama Kempen Media Sosial #SayangMalaysia adalah untuk mempromosikan Malaysia sebagai salah sebuah destinasi pelancongan dan kebudayaan yang terkemuka di dunia, menggunakan platform media sosial.
- Sempena dengan itu, MOTAC telah menganjurkan satu Peraduan Foto dan Video Pendek yang menggunakan platform media sosial Facebook, Twitter dan Instagram melalui enam (6) subtema.

### 2. KELAYAKAN

- Peraduan Foto dan Video Pendek ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia.
- **Peserta wajib *follow* Platform Media Sosial Rasmi MOTAC** untuk melayakkan diri menyertai peraduan ini. Peserta juga perlu ***share/repost* post** hebahan di platform media sosial MOTAC serta ***tag 5 orang friend* di post** tersebut.

### 3. HADIAH

- Hadiah Pertama
- Hadiah Kedua
- Hadiah Ketiga
- 5 x Hadiah Saguhati

### 4. TEMPOH PENYERTAAN

- Peraduan Foto dan Video ini bermula pada 1 Januari 2018 dan berakhir pada 31 Disember 2018 ("Tempoh Penyertaan").

- Penyertaan sebelum atau selepas Tempoh Penyertaan tidak akan dipertimbangkan.
- Penyertaan yang dikemukakan mestilah relevan dengan sub tema kempen dan perlu dihantar dalam tempoh penyertaan yang ditetapkan seperti berikut:-

#### **4.1 #MyCuisine**

- **Penjelasan Tema:** Memberi peluang kepada peserta memaparkan keunikan dan kepelbagaian jenis makanan dan minuman yang menjadi tarikan dan warisan kaum-kaum di Malaysia.

**Tempoh Penyertaan: 1 Januari 2018 – 28 Februari 2018**

#### **4.2 #MyDestination**

- **Penjelasan Tema:** Memberikan peluang kepada peserta untuk memaparkan pengalaman bercuti/ menerokai lokasi-lokasi /tempat-tempat percutian yang menarik atau lokasi yang kurang diketahui umum.

**Tempoh Penyertaan: 1 Mac 2018 – 30 April 2018**

#### **4.3 #MyCulture**

- **Penjelasan Tema:** Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman mengenali dengan lebih dekat budaya dan warisan kaum seperti tarian, nyanyian, adat dan upacara yang menjadi budaya hidup rakyat Malaysia.

**Tempoh Penyertaan: 1 Mei 2018 – 30 Jun 2018**

#### **4.4 #MyShopping**

- **Penjelasan Tema:** Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman membeli belah sempena 1Malaysia Mega SaleCarnival yang bermula 15 June - 31 Ogos.

**Tempoh Penyertaan: 1 Julai 2018 – 31 Ogos 2018**

#### 4.5 #MyHeritage

- **Penjelasan Tema:** Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman semasa melawat lokasi-lokasi sejarah dan warisan negara.

**Tempoh Penyertaan: 1 September 2018 – 31 Oktober 2018**

#### 4.6 #MyKampung

- **Penjelasan Tema:** Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman menginap/melawat homestay dan kampungstay di Malaysia.

**Tempoh Penyertaan: 1 November 2018 – 31 Disember 2018**

### 5. CARA PENYERTAAN

- Peserta hendaklah memuatnaik fotografi atau video pendek (30 hingga 60 saat) sebelum tarikh tutup penyertaan di Facebook/Twitter/Instagram dengan hashtag [#SayangMalaysia](#) berserta hashtag mengikut Subtema Kempen.
- Setiap penyertaan mestilah dimuat naik ke platform media sosial dan perlu mematuhi terma dan syarat-syarat penggunaan laman sosial.
- Sebarang penyertaan yang tidak berjaya dimuat naik tidak akan dipertimbangkan.
- Hanya satu penyertaan daripada setiap peserta akan dipertimbangkan. Pelbagai penyertaan daripada peserta yang sama akan dibatalkan.
- Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat peraduan ini.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang penyertaan yang tidak diterima bagi apa-apa sebab.

### 6. PERATURAN PENYERTAAN

- Penyertaan-Penyertaan berikut tidak akan dipertimbangkan:
  - sebarang penyertaan yang menyalahgunakan atau melanggar hak-hak orang lain, termasuk hak cipta.
  - sebarang penyertaan yang mengandungi unsur lucah, keganasan, sentimen perkauman, kandungan yang tidak sesuai atau bermotifkan politik atau lain-lain.

- sebarang penyertaan yang melibatkan gangguan yang disengajakan kepada hidupan liar, atau kerosakan kepada alam sekitar.
- sebarang penyertaan yang meletakkan mana-mana individu atau haiwan dalam bahaya.
- sebarang penyertaan serupa atau sama dengan penyertaan peserta lain.

## **7. PEMILIHAN PEMENANG**

- Penyertaan akan dinilai berdasarkan keaslian, kualiti dan relevan dengan sub tema kempen.
- Penjurian akan dilaksanakan oleh panel juri yang dipilih oleh MOTAC mengikut budi bicara mutlaknya.
- Panel juri yang dilantik akan menilai semua penyertaan yang sah dan akan memilih pemenang. Keputusan panel juri adalah muktamad.

## **8. MAKLUMAN KEPADA PEMENANG**

- Selepas pemilihan pemenang dimuktamadkan, pemenang akan dimaklumkan melalui *direct message* (DM) di akaun media sosial pemenang dalam masa 15 hari dari tarikh tutup penyertaan dan cara untuk menuntut hadiah.
- Jika pemenang tidak boleh dihubungi atau tidak menuntut hadiah dalam tempoh 14 hari dari tarikh makluman, Penganjur berhak untuk menarik balik pemenang dan akan memilih pemenang lain.
- Pemenang bersetuju dengan penggunaan nama dan imej mereka di mana-mana bahan publisiti Penganjur. Sebarang data peribadi yang berkaitan dengan pemenang atau mana-mana peserta lain tidak akan didedahkan kepada pihak ketiga tanpa persetujuan pemenang terlebih terdahulu.
- Tiada alternatif wang tunai untuk hadiah-hadiah yang ditawarkan. Hadiah-hadiah yang ditawarkan tidak boleh dipindah milik.
- Hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan dan pihak Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa memberikan sebarang notis.

- Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab keatas maklumat hadiah-hadiah yang tidak tepat yang dibekalkan kepada mana-mana peserta oleh mana-mana pihak ketiga yang berkaitan dengan pertandingan ini.

## 9. HAK-HAK PENGANJUR

- Pihak penganjur berhak untuk membatalkan peraduan ini atau meminda terma dan syarat peraduan tanpa notis sekiranya berlaku bencana alam, peperangan, kekacauan awam atau perubahan kepada sebarang undang-undang yang berkuatkuasa atau mana-mana peristiwa lain yang diluar kawalan Penganjur.
- Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian daripada atau yang berkaitan dengan keadaan di luar kawalan, termasuk kegagalan rangkaian, virus komputer atau akses yang tidak dibenarkan.
- Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menerbitkan sebarang maklumat penyertaan ke dalam mana-mana rangkaian sosial awam sepanjang tempoh peraduan untuk tujuan publisiti.
- Pihak Penganjur akan memaparkan nama-nama pemenang dan maklumat penyertaan pada laman web yang berkaitan dengan peraduan ini dan rangkaian sosial awam, di pameran, dan di lokasi lain yang berkaitan dengan peraduan ini.
- Sekiranya pemenang didapati tidak layak selepas hadiah dituntut, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan pemenang tersebut dan peserta diminta untuk mengembalikan hadiah yang diterima.
- Pihak Penganjur boleh mendedahkan maklumat peribadi peserta kepada juri atau pihak ketiga mengawasi pertandingan ini bagi tujuan pengurusan peraduan.

## 10. MAKLUMAT LANJUT

- Untuk maklumat lanjut, boleh layari **Laman Rasmi Kempen Media Sosial #SayangMalaysia** di [www.motac.gov.my/sayangmalaysia](http://www.motac.gov.my/sayangmalaysia).